

Oleh Saadiah Ismail
dan Nor Azizah Mokhtar
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Masyarakat perlu memahami bahawa Proklamasi Darurat yang diisyiharkan sehingga 1 Ogos ini bertujuan membendung penularan wabak Covid-19 yang kini mencecah lebih 161,000 jangkitan.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali berkata, Proklamasi Darurat yang diperkenankan Yang di-Pertuan Agong (YDPA) Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berikutan wujudnya ancaman yang memberi implikasi dalam konteks keselamatan negara, ekonomi dan ketenteraman awam.

Katanya, biarpun ada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), tetapi ia tidak memadai berikutan situasi kemudahan di hospital kerajaan tidak cukup bagi menampung bilangan pesakit positif Covid-19.

"Jadi Ordinan Darurat (Kuasa Kuasa Perlu) 2021

Darurat bendung mudarat

Rakyat tidak perlu bimbang kerana pentadbiran kerajaan berfungsi seperti biasa



perlu digunakan untuk memberi ruang kepada kerajaan dalam menjamin keselamatan dan ketenteraman awam.

"Darurat bukan saja dilaksanakan di sini, tetapi Jepun, Australia, Itali, Perancis juga melaksanakannya berdasarkan situasi dan undang-undang tempatan.

"Sebenarnya masyarakat tidak sedar darurat dilaksanakan tiga kali sepanjang penularan Covid-19 ini iaitu di Batu Sapi, Grik dan Dun Bugaya kerana sepanjang tempoh itu situasi seperti biasa dan tidak timbul kekhuitaran," katanya dalam satu Program Bicara Naratif di RTM bertajuk Ordinan Darurat (Kuasa Kuasa Perlu) 2021 : Pendekatan Strategik

Memerangi Covid-19.

Turut membincarkan isu itu ialah Ketua Pengarah Keselamatan Negara Majlis Keselamatan Negara, Datuk Mohd Rabin Basir.

Katanya, negara berdepan dengan beberapa keadaan darurat membabitkan ancaman keselamatan negara, konfrantasi dan sebagainya, namun darurat kali ini lebih bersifat untuk mengawal wabak.

"Pentadbiran Kabinet berjalan seperti biasa dan tiada isu. Kita harap perkara ini difahami rakyat iaitu demi membendung dan mengawal penularan Covid-19.

"Malah perkhidmatan awam juga tidak terjejas dan berfungsi seperti biasa apabila dalam keadaan darurat, mereka bekerja lebih cepat dan pantas demi memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

"Perkhidmatan awam penggerak utama ekonomi dan tiada alasan boleh diberi kerana kita belajar dari tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lalu," katanya.

Menyentuh perkara lain, beliau berkata, apabila Pro-

lamasi Darurat ini diisyiharkan, satu Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat turut ditubuhkan di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang bertanggungjawab mengenai isu berkaitan dengan pelaksanaan darurat, meneliti isu berbangkit dan mengesyorkan penyelesaian.

"Pada dasarnya, jawatankuasa ini diperlukan kerana ini memberi input pada sidang khas MKN sebelum suatu ordinan dipersebutui dan diperkenan YDPA.

"Malah ada beberapa kluster diwujudkan dalam jawatankuasa ini untuk beri nasihat iaitu kluster keselamatan diketuai Kementerian Dalam Negeri untuk menilai dan syorkan strategi keselamatan negara serta menilai apa akta perlu dikuatkuaskan.

"Kluster ekonomi diketuai Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) untuk menilai dan syorkan strategi negara dalam tempoh darurat ini. Dalam keadaan darurat boleh perkenal ordinan untuk kawal kenaikan harga," katanya.

"Masyarakat tidak sedar darurat dilaksanakan tiga kali sepanjang penularan Covid-19

Mohd Zuki Ali